

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN :

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT
BUNTAR]**

TARIKH : 2 APRIL 2015

SOALAN : PR-1331-L67208

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tentang Dasar
Perhutanan Negara dan Rancangan Fizikal Negara dan sejauh mana
Kerajaan negeri mematuhi garis panduan yang ditetapkan.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Perhutanan Negara ialah dasar yang telah diluluskan dan diterimapakai oleh Majlis Tanah Negara pada 10 April 1978. Dasar tersebut telah dikaji semula pada 25 Ogos 1992. Pindaan Dasar tersebut telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 November 1992. Pengurusan dan pentadbiran kawasan Hutan Simpanan Kekal di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia diurus selaras dengan Dasar Perhutanan Negara untuk memelihara dan mengurus hutan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan hutan secara berkekalan.

Rancangan Fizikal Negara (RFN) merumuskan dasar-dasar strategik bagi menentukan hala tuju pemajuan fizikal bagi seluruh Semenanjung Malaysia. RFN disediakan di bawah peruntukan seksyen 6B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2 telah mengenal pasti fragmentasi hutan sebagai ancaman kepada pemeliharaan hutan dan perlindungan biodiversiti. Sehubungan itu, Dasar 23 dalam RFN Ke-2 telah menyatakan keperluan mewujudkan kawasan CFS bagi membentuk jaringan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Kawasan CFS diwujudkan bertujuan mengekalkan kawasan berhutan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti menerusi penyambungan 4 kompleks hutan utama di Semenanjung Malaysia iaitu:

- (i) Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Banjaran Nakawan;

- (ii) Taman Negara-Banjaran Timur;
- (iii) Tanah Lembap Pahang Tenggara, Tasik Chini dan Tasik Bera;
dan
- (iv) Taman Negara Endau Rompin-Rezab Hidupan Liar Kluang.

Sekian, terima kasih.